

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, 18 April, 2019 12:38 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: GSGSG Dan JPA Bincang Perluas Penawaran Program Sarjana Dan PhD Kepada Penjawat Awam



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

18 APRIL 2019 / 12 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Ghazali Shafie Graduate School of Government

GSGSG DAN JPA BINCANG PERLUAS PENAWARAN PROGRAM SARJANA DAN PHD KEPADA PENJAWAT AWAM



UUM ONLINE: Delegasi Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG) yang diketuai Dekan, Prof. Madya Dr. Rusdi Omar telah mengadakan kunjungan hormat ke Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya baru-baru ini.

Kunjungan bertujuan bagi membincangkan mengenai program Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD) yang ditawarkan oleh Universiti Utara Malaysia khususnya GSGSG kepada penjawat awam.

Kunjungan turut disertai Timbalan Dekan, Prof. Madya Dr. Badariah Haji Din, Pengarah Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme (GSEEP), Dr. Abd. Rahim Romle dan Penolong Pendaftar Kanan, Mohd. Sukri Othman telah disambut oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI) JPA, Dato' Dr. Zulkapli Mohamed.

Antara perkara dibincangkan adalah taklimat Program Sarjana dan PhD yang ditawarkan oleh UUM GSGSG untuk penjawat awam, penyediaan dan pelaksanaan program untuk penjawat awam melalui tajaan JPA dan Program Post-Doctoral untuk penjawat awam.

Selain itu GSEEP juga turut diminta oleh pihak JPA untuk mengadakan kursus eksekutif jangka pendek kepada penjawat awam bagi meningkat kemahiran mereka di dalam menganalisis *big data* dalam masa terdekat.

Dato' Dr. Zulkapli juga menyatakan minat untuk bekerjasama dengan GSGSG dan berhasrat untuk mengadakan kunjungan balas ke UUM bagi membincangkan lebih lanjut tentang potensi program-program dan kursus-kursus yang ditawarkan oleh GSGSG serta dipanjangkan kepada jabatan perkhidmatan awam yang lain.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.